

06/01/2003

PM dijangka lancar KIK Tanjung Puteri

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan projek pembangunan Pusat Pemeriksaan Imigresen, Kastam dan Kuarantin (KIK) Tanjung Puteri, pada 27 dan 28 Januari ini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata Barisan Nasional (BN) Johor Bahru akan bertindak sebagai penganjur kepada lawatan itu

Beliau berkata, sempena lawatan itu, Dr Mahathir dijadual melawat kawasan sekitar projek berkenaan.

Katanya, Perdana Menteri juga dijadualkan akan diberi penerangan terperinci berhubung status projek terbabit serta kaedah penempatan semula penduduk di kawasan terbabit.

"Dr Mahathir juga dijadual melawat Flet Lumba Kuda dan Bukit Cagar yang terbabit dalam pemindahan ke penempatan sementara dalam tempoh empat bulan akan datang, bagi memberi laluan kepada pembangunan projek itu," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri Umno bahagian Johor Bahru, di Dewan Jubli Intan, di sini, hari ini. Turut hadir Ketua Umno bahagian berkenaan, Datuk Shahrir Samad dan timbalan beliau, Datuk Mohd Khaled Nordin.